

GESICAIN OINTMENT

Lidocaine (5% w/w)

Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Gesticain Ointment 5%
2. Bagaimana Gesticain Ointment 5% berfungsi
3. Sebelum menggunakan Gesticain Ointment 5%
4. Cara Penggunaan Gesticain Ointment 5%
5. Semasa Penggunaan Gesticain Ointment 5%
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Gesticain Ointment 5%
8. Maklumat Lanjut
9. Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Gesticain Ointment 5%

Gesticain Ointment 5% digunakan bagi mengawal sakit, gatal dan ketidakselesaan lain yang dikaitkan dengan keadaan berikut:

- Luka dan melecur ringan pada kulit
- Gigitan serangga
- Buasir
- Rekahan dubur
- Herpes zoster, sejenis jangkitan viral
- Puting payudara yang sakit bagi ibu-ibu yang menyusukan anak
- Prosedur peragian sebelum prosedur skop atau selepas pembedahan kecil.

Bagaimana Gesticain Ointment 5% berfungsi

Gesticain Ointment 5% mengandungi lidocaine yang juga dikenali sebagai xylocaine atau lignocaine. Ia adalah anestetik topikal cepat bertindak. Ia menghasilkan kesan kehilangan deria sentuh atau kekebasan sementara di kawasan ubat ini digunakan.

Ia bertindak dalam masa 2 hingga 5 minit dan kesan anestetik ini akan bertahan selama 30 hingga 60 minit.

Sebelum menggunakan Gesticain Ointment 5%

- Bila ubat ini tidak boleh digunakan

Anda dilarang menggunakan Gesticain Ointment 5% jika anda mempunyai:

- Alahan yang diketahui terhadap lidocaine, anestetik jenis "-caine" lain atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini seperti yang tersenarai di bahagian bawah risalah ini
- Kecederaan pada membran mukus
- Sebarang jangkitan pada kawasan di mana ubat ini akan digunakan

Jika anda tidak pasti sama ada anda boleh menggunakan ubat ini, sila rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

Kehamilan dan Laktasi

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda hamil, mungkin hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan anak.

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati jika anda boleh menggunakan Gesticain Ointment 5% sewaktu hamil atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, termasuk yang tidak mempunyai preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau dari sumber lain.

Cara Penggunaan Gesticain Ointment 5%

Ikuti arahan doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Jika anda musykil dengan cara penggunaan ubat ini, rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Panduan menggunakan Gesticain Ointment 5%

- i. Jika boleh, cuci kawasan berkenaan setiap kali sebelum menggunakan salap ini
- ii. Guna amaun yang sedikit bagi mengawal simptom
- iii. Sapukan satu lapisan nipis hanya cukup untuk meliputi kawasan berkenaan
- iv. Jika digunakan pada puting payudara yang sakit, pastikan puting tersebut dibersihkan sebelum menyusukan bayi bagi memastikan bayi tidak termakan ubat ini.
- v. Penggunaan pad kasa yang telah disterilkan disyorkan bagi kulit yang luka atau terbakar
- vi. Jauhkan dari mata anda

Ubat ini adalah untuk penggunaan luaran sahaja. **Tidak boleh dimakan.**

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan mengesyorkan dos yang diperlukan setiap hari dan selama mana perlu digunakan. Kekerapan penggunaan mungkin berkurangan jika keadaan anda bertambah baik.

Jangan menggunakan lebih daripada 35g sehari.

Jangan menggunakan Gesticain Ointment 5% lebih daripada yang telah dipreskripsi. Gunakan tisu untuk lapkan salap yang berlebihan dan jangan gosok ke dalam kulit anda.

- Bila perlu digunakan

Ikuti arahan pada label dengan betul dan seperti mana arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ikuti arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Jika simptom anda tidak bertambah baik, sila jumpa doktor anda.

- Jika terlupa menggunakannya

Sekiranya anda terlupa untuk menggunakan ubat ini, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Jika ianya sudah hampir waktu untuk penggunaan seterusnya, tunggu sahaja untuk penggunaan tersebut dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan gandakan dos bagi menggantikan penggunaan yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Tanda anda menggunakan secara berlebihan seperti berikut:

- Penglihatan kabur atau berganda
- Sawan
- Pening
- Telinga berdesing atau berdengung
- Menggigil atau mengeletar
- Gementar, keterujaan, keresahan atau kegelisahan yang luar kebiasaan
- Mengantuk
- Tekanan darah rendah yang luar kebiasaan
- Denyutan jantung rendah atau tidak tetap yang luar kebiasaan
- Kepucatan atau berpeluh yang luar kebiasaan

Dapatkan rawatan di Bahagian Kecemasan hospital berdekatan jika anda atau sesiapa sahaja telah termakan ubat ini.

Semasa Penggunaan Gesticain Ointment 5%

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ubat ini hanya untuk kegunaan kulit dan membran mukus sahaja
- Basuh tangan anda sebelum dan selepas menggunakan salap ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Gesticain Ointment 5% kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom dan keadaan yang sama. Jangan gunakan ubat ini untuk merawat masalah lain melainkan atas arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hanya digunakan di kawasan yang terjejas dan tidak boleh dimakan secara oral.

GESICAIN OINTMENT

Lidocaine (5% w/w)

Kesan-kesan Sampingan

Gesicain Ointment 5% biasanya boleh diterima oleh kebanyakan pengguna dan tindakbalas hipersensitiviti adalah tidak ketara.

Walau bagaimanapun, jika kesan sampingan berlaku sewaktu penggunaan Gesicain Ointment 5%, hentikan penggunaannya dan jumpa doktor dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Gesicain Ointment 5%

- Penyimpanan

Simpan semua ubat-ubatan dari penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang tertera di kotak.

Simpan di tempat kering bersuhu bawah 25°C. Pastikan tiub ditutup ketat. Jauhi dari cahaya yang terik.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa produk

Salap berwarna putih yang licin, lembut dan sekata. Bebas dari sebarang zarah

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

- Lidocaine 5%w/w

- Bahan tidak aktif:

- Magrogol 600 (Carbowax 600)
- Macrogol 4000 (Carbowax 4000)
- Propylene Glycol
- Deionised water

- Nombor MAL:

MAL19860225AZ

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd
(661901-P)

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan,
Bakar Arang Industrial Estate,
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

04/09/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)230718/00210